

## Pemegang akaun Kelab Nuri meningkat

KUALA LUMPUR 22 Mac - Seramai 420,369 pemegang akaun Kelab Nuri Bank Rakyat mencatatkan simpanan sebanyak RM104,671,000 sejak kelab itu dilancarkan pada 24 Mac tahun lepas.

Pengarah Urusan Bank Rakyat, Datuk Kamaruzaman Che Mat berkata, jumlah simpanan tersebut menyaksikan peningkatan yang baik iaitu seramai 107,606 pemegang akaun baru dengan jumlah simpanan sebanyak RM31,741,000.

Beliau berkata, ahli berdaftar dengan kelab yang berteraskan pendidikan dan perkembangan kanak-kanak itu pula ialah seramai 20,000 orang.

"Memandangkan kelab ini mendapat sambutan yang menggalakkan, kita akan berusaha meningkatkan lagi segala bentuk kemudahan dan keistimewaan kepada ahli-ahli termasuk menambah bilangan rakan niaga kelab," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Ulang Tahun Pertama Kelab Nuri di Zoo Negara di sini hari ini.

Sehingga kini, katanya lagi, Kelab Nuri mempunyai 12 rakan niaga daripada pelbagai industri termasuk sektor pelancongan.

Mengenai Portal Kelab Nuri pula, Kamaruzaman memberitahu, portal itu yang berkonsepkan pendidikan dan hiburan mendapat sambutan hangat apabila merekodkan 1.5 juta pengunjung setiap bulan.

Katanya, menerusi portal itu juga, ahli-ahli kelab turut berpeluang melayari maklumat berkaitan sains dan keagamaan serta bertukar-tukar fikiran dengan ahli yang lain menerusi forum yang disediakan.

Pada majlis itu, Bank Rakyat turut memperbaharui pakej penajaan 15 ekor burung Nuri daripada pelbagai spesies yang menjadi ikon kelab tersebut.

"Tajaan bernilai RM42,150 itu meliputi penjagaan kesihatan dan makanan burung Nuri serta kos menaik taraf pondok kereta api mini di zoo berkenaan.

"Kami juga mengambil inisiatif mengindahkan kawasan di zoo dengan menyediakan pelekat bergambar berwarna-warni dengan mesej positif untuk menyemai amalan menabung di kalangan kanak-kanak," jelasnya.

Sementara itu, seramai 100 ahli Kelab Nuri diraikan pada majlis itu yang mana 11 daripada ahlinya mendapat hadiah ulang tahun hari lahir daripada isteri Kamaruzaman, Datin Umi Salmah Mahali.

Turut hadir Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat Bank Rakyat, Datuk Rosely Samsuri dan isteri, Datin Siti Hamsiah Syed Hitam serta Naib Presiden Persatuan Zoologikal Malaysia, Mohd. Seth Ismail.



UMI Salmah Mahali memotong reben rumah rehat Kelab Nuri sambil diiringi Kamaruzaman Che Mat (kiri), di Zoo Negara, Hulu Klang, semalam.